

The book cover features a tiger in a batik pattern, with a color gradient from dark brown at the top to blue at the bottom. The title is prominently displayed in the upper half.

PELESTARIAN
SILAT
MELAYU
antara warisan dengan amalan

Editor
Nazarudin Zainun
Mohamad Omar Bidin

Pembangunan Ilmu dan Adab: Sumbangan Ilmu Persilatan Melayu

Abdul Majid Ismail • Safiah Ahmad

Pengenalan

Bangsa Melayu merupakan rumpun bangsa yang terkenal dengan tinggi budi pekerti dan adab sopannya. Sheikh Ahmad al-Fatani dalam *Hadiqatul Azhar War Rayahin*: “Bangsa Melayu itu adalah bersifat ikhlas, lemah lembut, lunak, berperibadi sopan” (Sheikh Ahmad al-Fatani, 1903). Oleh itu, dalam segenap lipatan kehidupan bangsa Melayu, baik tinggi atau rendah martabat diri, berilmu atau kurang berilmu, adab (etika) merupakan salah satu ukuran atau kriteria utama ketamadunannya. Namun tamadun unggul bangsa Melayu yang menjadi warisan kini telah mengalami pelbagai dugaan dan cabaran apabila dunia Melayu telah dijajah selama hampir 500 tahun oleh Sepanyol, Belanda, British dan Jepun. Ekonomi dan cara hidupnya dirobek dan akidahnya juga digugat sehinggakan jati dirinya hampir hilang bersama keagungannya. Kesan daripada penjajahan ini, kini ia tidak dapat lari daripada kehidupan yang telah dicemari dengan pelbagai anasir dan pengaruh yang diterapkan menerusi sistem-sistem kehidupan dan pendidikan ala Barat. Sistem-sistem ini telah menghasilkan para cendekiawan dan para pemimpin yang sedikit sebanyak terbawa-bawa dengan cara hidup ala Barat yang sebahagiannya bertentangan dengan nilai-nilai ketimuran (adat dan adab) dan agama Islam yang dianuti.

Dewasa ini, permasalahan ini bertambah parah apabila kesejagatan atau dasar langit terbuka dan kemunculan pelbagai alatan komunikasi pintar yang berupaya menghubungkan semua maklumat dari seluruh penjuru dunia. Kesejagatan tanpa kawalan ini telah menyebabkan masyarakat